

## NOTIS WAJIBKAN INDIVIDU BUAT LAPORAN BAGI PENDAFTARAN

Dalam melaksanakan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta Kerahan 1970, pihak berkuasa menghendaki setiap lelaki warga negara Singapura dan setiap lelaki Penduduk Tetap Singapura, yang lahir antara 1 Oktober 2007 hingga 1 Januari 2008 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) (yang disebutkan dalam pemberitahuan ini sebagai seorang pendaftar) perlu mendaftar untuk perkhidmatan negara.

### **Pendaftaran bagi perkhidmatan negara**

2. Seseorang pendaftar mesti mendaftar bagi perkhidmatan negara antara 31 Julai 2024 hingga 20 Ogos 2024 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) —

- (a) menerusi dalam talian di <https://www.ns.gov.sg>; atau
- (b) secara peribadi di Podium, Pusat Pangkalan Tenaga Manusia (CMPB) yang terletak di 3 Depot Road, Singapura 109680.

### **Pemeriksaan perubatan**

3. Kecuali dimaklumkan oleh pihak berkuasa, setiap pendaftar mesti —

- (a) semasa mendaftar bagi perkhidmatan negara, memilih satu tarikh antara 1 Oktober 2024 hingga 4 November 2024 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) untuk pemeriksaan perubatan; dan
- (b) menjalani pemeriksaan perubatan di CMPB pada tarikh yang dipilih antara 8 pagi hingga 1 tengah hari.

Tempat:	Pusat Pangkalan Tenaga Manusia CMPB-Podium 3 Depot Road Singapura 109680
Masa:	Isnin hingga Jumaat - 8 pagi hingga 5 petang Sabtu - 8 pagi hingga 1 tengah hari Tutup pada Ahad dan cuti awam
Pertanyaan:	1800-3676767
E-mel:	<a href="mailto:contact@ns.sg">contact@ns.sg</a>
Laman Utama:	<a href="https://www.ns.gov.sg">https://www.ns.gov.sg</a>